

**PROGRAM BENGKEL DAN BIMBINGAN MENTOR PENULISAN SENI CENDANA-  
ASWARA  
SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**

**S: Apakah Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni?**

**J:** Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni anjuran CENDANA dengan kerjasama Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ini adalah usaha untuk memperkasakan komuniti seni bagi memenuhi strategi CENDANA '*Memperkasakan Komuniti*' dan '*Pendidikan Budaya dan Kreatif: Membina Tenaga Kerja Kreatif*'. Para penulis seni digalakkan untuk mengikuti program ini bagi menyokong dan meluaskan usaha para penulis dalam meningkatkan apresiasi terhadap kegiatan seni dan budaya Malaysia, mewujudkan kelestarian seni dan merencanakan kegiatan seni yang lebih subur.

**S: Siapakah yang boleh memohon?**

**J:** Pemohon yang layak:

- Warganegara Malaysia;
- Penulis, pengkritik muda, penulis seni baharu, dan profesional yang ingin meneroka dan memperbaiki kemahiran mereka dalam kritikan seni;
- Mampu berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Inggeris dan / atau Bahasa Malaysia;
- Pemohon yang berjaya dikehendaki hadir kesemua bengkel yang dijalankan selama tiga (3) hari berturut-turut dan menyelesaikan sebarang tugas yang diberikan sepanjang tempoh bengkel dari 18 – 20 September 2020.
- Mempunyai rekod, lampiran dan contoh penulisan dan/atau karya seni yang pernah dilakukan untuk menyokong permohonan mereka.

**S: Siapakah yang akan memilih permohonan yang berjaya?**

**J:** Permohonan akan disaring dan dipilih oleh Panel Pemilihan CENDANA dan ASWARA.

**S: Bilakah keputusan permohonan akan diumumkan?**

**J:** Keputusan permohonan samada yang berjaya / tidak berjaya akan diumumkan melalui emel selewat-lewatnya pada **10 September 2020**.

**S: Bolehkah kita memohon Program Pembiayaan CENDANA yang lain jika terpilih untuk Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni CENDANA-ASWARA?**

**J:** Ya, kerana program ini adalah bukan Program Pembiayaan CENDANA.

**S: Apakah garis masa untuk program ini?**

**J:** Program ini mempunyai dua (2) fasa yang akan bermula pada tarikh-tarikh berikut:

- **Fasa 1:** 18 - 20 September 2020
- **Fasa 2:** 1 Oktober 2020 - 28 Februari 2021

**S: Berapakah bilangan peserta yang akan dipilih?**

**J:** Sebanyak tiga puluh orang (**30**) **peserta** bagi Fasa 1 dan dua belas orang (**12**) **peserta** (dari Fasa 1) akan dipilih untuk Fasa 2.

**S: Apakah yang ditaja dan ditanggung oleh CENDANA dan ASWARA?**

**J:** ASWARA akan menyokong program ini melalui:

- Bengkel penulisan seni selama tiga (3) hari;
- Penyelarasan bimbingan mentor sepanjang kedua-dua fasa program;
- Menyediakan ruang untuk pertemuan dan perbincangan sekiranya diperlukan;

CENDANA akan menyokong program ini melalui:

- Pembayaran mengikut kadar pasaran yang dipersetujui untuk setiap artikel / video yang diterbitkan di laman web CENDANA bagi dua belas orang (**12**) **pemohon yang terpilih** bagi Fasa 2;
- Bimbingan dan sokongan mentor sepanjang kedua-dua fasa program;

**S: Apakah yang dikehendaki daripada pemohon yang berjaya dipilih semasa program ini?**

**J:** Pemohon perlu:

- Menghadiri bengkel selama **tiga (3) hari berturut-turut dari 18 - 20 September 2020**;
- Menyelesaikan segala tugas yang diberikan sepanjang bengkel;
- Meluangkan masa untuk **Program Bengkel dan Bimbingan Mentor Penulisan Seni** dan sebarang acara susulan dari CENDANA atau ASWARA;
- Komited untuk menulis tiga (3) artikel / video setiap bulan sepanjang lima (5) bulan program bimbingan dari **1 Oktober 2020 - 28 Februari 2021** (bagi 12 peserta yang terpilih untuk Fasa 2).

**S: Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya setelah program selesai?**

**J:** Pemohon diharapkan dapat:

- Melengkapkan Borang Tinjauan Penilaian CENDANA untuk setiap fasa program;
- Menghantarkan sejumlah lima belas buah (15) artikel seperti yang ditugaskan sepanjang lima (5) bulan program bimbingan setelah memasukkan input / maklum balas daripada mentor (bagi 12 peserta yang dipilih untuk Fasa 2);
- Memberi maklumbalas kritikal dan tinjauan keseluruhan untuk penambahbaikan program;
- Melengkapkan borang Kajian Ekonomi CENDANA.

**S: Apakah struktur Program Bengkel semasa Fasa 1?**

**J:** Program ini merangkumi bengkel selama dua (2) hari diikuti dengan penulisan lapangan selama satu (1) hari dimana para peserta akan mengunjungi tempat seni / menghadiri persembahan sebagai sebahagian daripada tugas penulisan mereka.

**S: Apakah perbezaan antara Fasa 1 dan Fasa 2?**

**J:** Bagi Fasa 1, peserta yang mengajukan permohonan mereka akan dinilai berdasarkan kriteria dalam Terma Rujukan (ToR) dan tiga puluh orang (30) peserta akan dipilih untuk mengikuti Program Bengkel. Bagi Fasa 2, dua belas orang (12) penulis dari tiga puluh (30) orang peserta berpotensi yang dikenalpasti oleh fasilitator / mentor akan maju ke Fasa 2.

**S: Siapakah yang akan dipilih untuk Fasa 2?**

**J:** Dua belas (12) orang peserta akan dipilih untuk mengikuti program bimbingan selama **lima (5) bulan** dimana mereka mesti menulis **tiga (3) buah artikel / video** setiap bulan sepanjang program berlangsung. Artikel / video akan disemak oleh mentor yang ditugaskan sebelum diterbitkan. Artikel / video yang dianggap layak untuk diterbitkan akan diterbitkan melalui pelbagai platform termasuk laman web BASKL CENDANA. Artikel / video yang dipilih untuk diterbitkan di laman web CENDANA akan dibayar bersesuaian dengan harga pasaran yang dipersetujui oleh CENDANA dan ASWARA.

**S: Bagi Fasa 2, adakah penulis dibayar untuk artikel yang dihasilkan?**

**J:** Ya, jika artikel yang dihasilkan dianggap baik, ia akan dipilih untuk diterbitkan dan dibayar mengikut kadar pasaran yang dipersetujui oleh CENDANA dan ASWARA.

**S: Bagaimana pula dengan Fasa 1, adakah artikel yang dihasilkan akan dibayar?**

**J:** Tidak, setiap artikel yang dihasilkan semasa Fasa 1 adalah sebahagian daripada tugas bengkel dan tidak akan dibayar.

**S: Adakah penulis terpilih harus menandatangani perjanjian komitmen dengan CENDANA?**

**J:** Ya, penulis yang telah terpilih perlu menandatangani perjanjian asas dengan CENDANA kerana bengkel ini adalah percuma dan memerlukan kepastian bahawa peserta yang terpilih akan menjalani program sepenuhnya. Kita juga perlu memantau dan meneliti kemajuan program yang dilaksanakan.

**S: Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya setelah program selesai?**

**J:** Pemohon diharapkan untuk:

- Melengkapkan Borang Tinjauan Penilaian CENDANA bagi setiap fasa program;

- Menghantar sejumlah lima belas (15) buah artikel sepertimana yang ditugaskan sepanjang lima (5) bulan program bimbingan setelah memasukkan input / maklum balas daripada mentor (bagi 12 orang peserta yang dipilih untuk Fasa 2);
- Memberi maklumbalas kritikal dan tinjauan keseluruhan untuk peningkatan program;
- Melengkapkan borang Kajian Ekonomi CENDANA.

**S: Bagaimanakah pula jika saya tidak dapat menyelesaikan program dan terpaksa berhenti di pertengahan program?**

**J:** Semua peserta yang terpilih perlu menandatangani perjanjian dengan CENDANA. Oleh itu, sekiranya peserta perlu berhenti di pertengahan program ini, maka terma dan syarat perjanjian akan berkuatkuasa dan terdapat kemungkinan peserta tersebut perlu membayar balik kos penyertaan.